

Bahagian Umno mula bermesyuarat

Oleh Kadir Dikoh dan Zulkofli Jamaludin BH - 2 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Pencalonan rasmi bagi pelbagai jawatan dalam pemilihan Umno Mei ini, menjadi tumpuan apabila semua 165 bahagian mengadakan mesyuarat perwakilan bermula esok hingga 30 April ini.

Setakat ini, lebih 160 calon sudah menawarkan diri untuk bertanding pelbagai jawatan dalam Majlis Tertinggi (MT) serta Pergerakan Pemuda dan Wanita, tetapi pencalonan rasmi hanya diputuskan oleh bahagian.

Calon Presiden memerlukan 30 peratus pencalonan atau sokongan 50 bahagian, Timbalan Presiden sebanyak 20 peratus (33 bahagian), Naib Presiden 10 peratus (17 bahagian) manakala MT memerlukan sekurang-kurangnya lima peratus pencalonan atau lapan bahagian.

Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita pula perlu mendapat sekurang-kurangnya 20 peratus pencalonan (33 bahagian), Naib Ketua (15 peratus atau 25 bahagian) dan exco (lima peratus atau sembilan bahagian).

Bagaimanapun, mesyuarat MT pada 3 Januari lalu sebulat suara mengesyorkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan. MT bersetuju mengekalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah bagi mencekuri jawatan Timbalan Presiden.

Mengulas persiapan mesyuarat itu, Abdullah berkata, semua bahagian perlu mematuhi peraturan bagi memastikan persidangan berjalan lancar.

"Jangan cuba adakan peraturan yang tidak ada dalam perlembagaan parti dan jangan ketepikan peraturan kerana nak cepat habiskan mesyuarat," katanya kepada pemberita di sini, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, berkata kepimpinan peringkat bahagian perlu memahami setiap keperluan dan peraturan mesyuarat supaya tidak berlaku sebarang kesilapan.

Sementara itu, Umno Tawau di Sabah adalah bahagian pertama yang akan memulakan mesyuarat esok, diikuti bahagian Semporna Sabtu ini manakala sekurang-kurangnya 15 bahagian lain akan mengadakan mesyuarat pada Ahad.

Sesetengahnya pula masih belum menetapkan tarikh mesyuarat yang perlu diadakan sebelum 30 April.

Antara perkara yang dijangka menjadi perhatian dalam mesyuarat kali ini ialah sama ada pemilihan ke perhimpunan agung Umno dan penentuan calon bagi semua jawatan pada peringkat MT dilakukan melalui undi sulit.

Mengikut kelaziman, ada bahagian

LIHAT MUKA 2, RUANG 4

perlu mesyuarat semula

BH - 2 MAR 2000
DARI MUKA 1

menjalankan proses itu secara sulit iaitu menerusi kertas undi dan sesetengahnya dengan cara mengangkat tangan.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah menyarankan supaya proses itu dilakukan secara sulit dengan alasan supaya setiap ahli parti dapat mengahmilahagian dalam proses pemilihan tanpa rasa takut dan terdedah kepada acbarang ugutan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyerahkan kepada bahagian Umno bagi menentukan sama ada proses berkenaan dilakukan secara sulit atau sebaliknya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, bahagian yang memecat ahli perlumengadakan semula mesyuarat agung cawangan berkenaan dan ahli yang dipecat boleh menghadirinya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemecatan itu tidak sah kerana hanya MT berhak memecat ahli yang melanggar disiplin parti.

"Disebabkan pemecatan sudah berlaku dan tidak sah, bahagian terahit perlu mengadakan semula mesyuarat cawangan berkenaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti, hari ini.

Turut hadir, dua lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib serta Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakoh.

Abdullah berkata, ahli terbabit dipecat kerana dipercayai menyokong parti pembangkang dalam pilihan raya lalu tetapi kesahihah tindakan mereka itu belum diterima.

"Kita tidak memecat ahli sewenang-wenangnya. Sebaliknya, Jawatankuasa Disiplin perlu menghantar surat tunjuk sebab kepada ahli terbabit dan mendengar penjelasan mereka sebelum membuat keputusan.

"Sebelum MT membuat keputusan, ahli yang diberi surat tunjuk sebab boleh menghadiri mesyuarat dalam tempoh ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa pengurusan sedia membenarkan cawangan terbabit, mengadakan semula mesyuarat walaupun tempohnya sudah berakhir semalam.